

Headline **Mimos QT Hightech Malaysia meterai kerjasama**  
Date **18 Nov 2010**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Ekonomi**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **24**  
Article Size **190 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **8,371**  
PRValue **25,112**



## Mimos, QT Hightech Malaysia meterai kerjasama



ABDUL Aziz (dua dari kanan) bersalaman dengan Yo Gung (kiri) sambil diperhatikan oleh Fadillah (dua dari kiri) dan Pengarah Kanan MIMOS, David Khor (kanan) pada majlis menandatangani perjanjian.

**M**IMOS, pusat penyelidikan gunaannya utama negara dalam bidang teknologi memeterai perjanjian dengan QT Hightech Malaysia Sdn Bhd bagi mengadakan kerjasama mewujudkan aktiviti rantai nilai tambah dalam teknologi semikonduktor termaju.

Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah, berkata kerjasama selaras Model Baru Ekonomi (MBE) itu menasaskan untuk meningkatkan keupayaan proses, daya saing industri semikonduktor, menambah daya saing inovasi dalam rangkaian pengedarannya selain membangunkan kemahiran menerusi pembabitan pihak universiti.

Katanya, peningkatan inovasi dan daya saing rangkaian pengedaran itu akan mewujudkan nilai tambah untuk industri semikonduktor tempatan seperti pengedar bahan mentah, penghasil bahan kimia dan gas, pengilangan perkakasan dan pengedar peralatan gantian.

“Ketika ini Malaysia adalah peneraju dalam aktiviti rantai pembekalan

kepada industri semikonduktor, justeru perlu ada langkah untuk mengubah pandangan ini bagi mewujudkan nilai tambah pada industri bernilai tinggi.

“Kita perlu mengubah pandangan ini dan bergerak maju ke arah aktiviti sebagai pengeluar teknologi semikonduktor bagi menghasilkan produk tambah nilai tinggi dan perkhidmatan yang mampu mewujudkan lebih ruang untuk pertumbuhan pelaburan ke negara ini,” katanya kenyataan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Operasi, Abdul Aziz Abdul Kadir, manakala bagi pihak QT Hightech Malaysia diwakili Ketua Eksekutifnya, Charlie Yoon Yo Gung.

Majlis memeterai perjanjian kerjasama itu disaksikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Fadillah Yusof.

Sebagai tambahan, kerjasama itu dijangka menghasilkan lebih ramai jurutera berbakat dan berkemahiran bagi menampung keperluan Malaysia menyokong kewujudan syarikat baru dan pembangunan produk prototaip pihak universiti.